

No. Soalan: 91  
PR-1352-L02069

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH**  
**BIN RAJA AHMAD**  
**[ KUALA TERENGGANU ]**

**TARIKH** : **27 JULAI 2017**

**SOALAN** : **Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan tidakkah Malaysia merancang untuk menghantar bantuan kemanusiaan mengatasi kebuluran dan wabak kolera di Yaman.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sesungguhnya sangat peka dan mengambil berat terhadap pergolakan di Yaman yang telah berlarutan hampir dua (2) tahun. Peperangan yang berlaku telah mengorbankan ribuan nyawa orang awam selain menyebabkan kesengsaraan berpanjangan ditanggung oleh rakyat Yaman.

3. Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), akibat dari krisis yang berlarutan ini, kira-kira seramai 17 juta rakyat Yaman diancam kebuluran dan memerlukan bantuan makanan dengan kadar segera. Situasi bertambah buruk dengan penularan wabak penyakit serta kemusnahan infrastruktur asas seperti rumah kediaman, pusat perubatan, bekalan elektrik dan air.

4. Dalam hal ini, Malaysia menyokong penuh usaha-usaha yang dilakukan oleh Duta Khas PBB ke Yaman iaitu Ismail Cheikh Ahmad untuk membawa pihak-pihak yang bertelagah kembali ke meja rundingan. Adalah penting untuk mencapai kestabilan politik di Yaman supaya dapat menjamin kesejahteraan kehidupan rakyat negara tersebut.

5. Sepertimana keprihatinan Malaysia terhadap situasi kemanusiaan di negara-negara seperti Palestin, Syria, Myanmar dan lain-lain lagi, Malaysia juga amat menitikberatkan akan perkembangan situasi kemanusiaan di Yaman.

6. Sebagai contoh, Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah memanfaatkan platform tersebut untuk membantu ke arah usaha penyelesaian konflik di Yaman. Semasa Sesi Tergempar Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri OIC Berhubung Isu Yaman di Jeddah pada 16 Jun 2015, Malaysia telah mengumumkan sumbangan kewangan sebanyak USD100,000 bagi tujuan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Yaman melalui platform OIC. Sumbangan tersebut secara langsung membuktikan komitmen Kerajaan Malaysia untuk membantu rakyat Yaman dan jaringan kerja OIC yang luas akan menjamin keberkesanan penyampaian bantuan oleh Kerajaan Malaysia.

7. Selain sumbangan melalui kerajaan, Malaysia turut menghulurkan bantuan melalui pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti *Malaysian Relief Agency* dan *Muslim Care Malaysia*.

Sekian, terima kasih.